



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG

## KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/02/2016

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang **040102 Makanan dan Minuman (tin, botol dan bungkus)** atau **040103 Makanan Bermasak (Islam)** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

**"PERKHIDMATAN KAFETARIA KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG,  
JALAN UTAMA, 10460 PULAU PINANG"**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh : **18 Februari 2016 (Khamis)**  
Masa : **3.00 petang**  
Tempat : **Kafetaria Kompleks Masyarakat Penyayang,  
Jalan Utama, 10460 Pulau Pinang.**  
Kehadiran : **Pemilik Syarikat sahaja (Wakil tidak dibenarkan).**

3. Tuan/ Puan adalah diminta membawa bersama dokumen asal dan salinan yang masih sah laku (salinan asal dan salinan fotostat) seperti berikut :

- i) **Cetakan Spesifikasi dari Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP);**
- ii) **Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih sah; dan**
- iii) **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Kod Bidang ditetapkan) yang masih sah.**

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **19 Februari 2016 (Jumaat)**.

5. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 29 Februari 2016 ( Isnin ) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Paras 25, KOMTAR, Jalan Penang, Pulau Pinang**. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup (**29 Mei 2016**).

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang